



**BULETIN** **MPKL**  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT

EDARAN PERCUMA

EDISI 1 / 2020



[www.mpkl.gov.my](http://www.mpkl.gov.my)

**MAJLIS ANUGERAH  
PERKHIDMATAN CEMERLANG 2019**

## Isi Kandungan

## Muka Surat

- Isi Kandungan / Sidang Redaksi / Perutusan YDP	2
- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019	3
- Program 'Go Green' Pembersihan Pantai Morib - Program Suai Mesra MPP Bersama PeBT	4
- Taklimat Kempen 3R Tahun 2020 Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Saya Peringkat Daerah Kuala Langat - Bengkel Pengkomposan Sisa Kebun Dan Sisa Bahan Dapur Bersama Komuniti Kuala Langat Tahun 2020	5
- Bengkel Kesedaran Awam Lindungi Ekosistem Kuala Langat - Kunjungan Hormat Panglima Bridget Wataniah	6
- Perasmian Program Penanaman Semula Kebun Komuniti Bersempena Pemuliharaan Lebah - Pertandingan Bola Jaring Antara Jabatan MPKL	7
- Lawatan Kerja Majlis Daerah Hulu Selangor Ke Pasar Awam Banting - Sambutan Hari Wanita Sedunia 2020	8
- Majlis Penyerahan Buah Limau Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2020 - Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya Peringkat Daerah Kuala Langat	9
- Lawatan Tapak Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat Ke Medan Selera Baharu Di Batu Laut Dan Tanjung Sepat	10
- Program Jalan - Jalan RTM	11
- Lawatan Tapak Tuan Hee Loy Sian, ADUN Banting Ke Kawasan Kebakaran Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan - Taklimat Sewaan Premis Perniagaan MPKL Bersama Peniaga	12
- Program Pengindahan Bandar Anjuran Majlis Perbandaran Kuala Langat	13
- Operasi Pemeriksaan Dan Notis Perintah Tutup Premis Perniagaan - Kes Mahkamah Berkaitan Kilang Simen Haram Yang Didenda Atas Kesalahan	14
- Ops Kenderaan Berat - Ops Penjaja	15
- Operasi Iklan Haram - Operasi Ops Sampah	16
- Saringan COVID-19 - Pemeriksaan Ke Atas Beberapa Premis Perniagaan Sekitar Daerah Kuala Langat	17
- Laporan Aktiviti MPP	18 - 19
- Skuad Pantas & Penutup	20

## Perutusan YDP MPKL



### Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang membaca naskah Buletin Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL) siri 1 Tahun 2020

Bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita diberi masih diberi kesempatan untuk menjalankan amanah dan tanggungjawab yang telah diberikan oleh masyarakat untuk dilaksanakan oleh MPKL. Dengan rasminya bermula detik bersejarah pada tanggal 1 Mac 2020 ini Majlis Daerah Kuala Langat telah dinaik taraf kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat.

Sehubungan dengan itu, MPKL telah merancang pelbagai program dan projek pembangunan termasuk pengindahan dalam daerah Kuala Langat selaras dengan status sebagai Majlis Perbandaran. Bagi merealisasikan hasrat kerajaan untuk membentuk penjawat awam yang berharga, kita perlu berada selangkah di hadapan. Bidalan menyebut "belum dipanggil sudah datang". Ini membawa pengertian bahawasanya, sebagai penjawat awam khususnya warga kerja MPKL, kita perlu sentiasa proaktif dalam menjalankan tanggungjawab seharian.

Walau bagaimanapun pada pertengahan Mac 2020 negara telah dikejutnya dengan penularan wabak baharu iaitu Covid-19. Bagi membendung penularan wabak tersebut agar tidak berlaku dengan lebih serius, kerajaan Malaysia telah memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) kepada semua rakyat Malaysia. PKP ini akan dilaksanakan sehingga wabak Covid-19 benar-benar telah dapat dikawal. Saya berharap agar semua rakyat Malaysia dan warga Kuala Langat khususnya dapat bersabar dalam kita mengharungi dan memerangi wabak tersebut. MPKL bersama-sama agensi-agensi lain akan sentiasa berusaha untuk mengekang daripada wabak ini menular dalam daerah Kuala Langat.

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan setinggi tahniah dan syabas kepada seluruh warga kerja MPKL khususnya dan warga daerah Kuala Langat umumnya di atas penaik-tarafan kepada Majlis Perbandaran Kuala Langat dan ini menandakan MPKL perlu lebih berusaha dengan lebih proaktif dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Yang Dipertua,  
Mohamad Zain bin A Hamid, S.I.S., P.P.T

**Kuala Langat Indah Dan Harmoni**

## SIDANG REDAKSI

**PENAUNG**  
TUAN MOHAMAD ZAIN BIN A HAMID, S.I.S., P.P.T  
YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

**PENASIHAT**  
ENCIK MOHD YASIN BIN ALWI, A.I.S.  
TIMBALAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT

**KETUA PENGARANG**  
ENCIK MOHAMMAD KAMAL BIN MOHD RAMLAN, P.P.T

**PENGARANG**  
ENCIK MOHD SHAUKI BIN JAMALUDIN

**PENOLONG PENGARANG**  
ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
ENCIK AHMAD AZAMUDDIN BIN MD ARIS

**JURUFOTO**  
ENCIK MUHAMMAD NAFIS ASYRAF BIN RAMLI  
YM RAJA MOHD HAFIZ BIN RAJA BULAT



### *Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2019*

Pada 28 Februari 2020, Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) telah berjaya menganjurkan satu Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MDKL tahun 2019. Majlis penghargaan yang penuh gilang-gemilang itu telah diadakan di Dewan Seri Jugra, Telok Datok dengan bertemakan pakaian batik.

Lebih 500 orang yang hadir terdiri daripada Ahli Majlis dan warga MDKL bagi meraikan 51 orang penerima anugerah APC iaitu 34 orang kakitangan pelbagai jawatan dan 3 orang pesara tahun 2019. Ia juga melibatkan anugerah penghargaan kepada Pihak Media seramai 14 orang dari pelbagai media masa yang selama ini banyak menyumbang secara langsung dari segi berita dan cerita berkaitan MPKL.

Kemuncak anugerah ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Zamani Ahmad bin Mansor, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor dan Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat seterusnya merasmikan Majlis APC MDKL tahun 2019.



## Program 'Go Green' Pembersihan Pantai Morib

Pada 5 Januari 2020, Program 'Go Green' Pembersihan Pantai Morib telah diadakan di Pantai Morib dengan kerjasama daripada Tenaga Motor Bangi dan PeBT Zon 12. Penglibatan dalam program ini adalah seramai 300 orang. Tujuan program diadakan adalah untuk membersihkan kawasan pantai daripada sampah sarap seperti sisa plastik, sisa daripada bot nelayan dan pelbagai lagi.



## Program Suai Mesra MPP Bersama PeBT

Pada 11 Januari 2020, Jabatan Pembangunan Masyarakat, Majlis Daerah Kuala Langat telah mengadakan program suai mesra MPP bersama dengan PeBT di Sime Darby Plantation Academy, Pulau Carey. Seramai 30 orang peserta telah menyertai program ini dan program ini juga telah dirasmikan oleh Timbalan Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat iaitu Tuan Mohd Yasin bin Alwi. Selain itu, turut hadir bagi memeriahkan program ini ialah ahli-ahli majlis, pengarah-pengarah dan ketua-ketua unit MDKL, PeBT. untuk mengikuti program suai mesra ini. Tujuan program ini dibuat adalah untuk merapatkan hubungan antara MPP dengan pihak PeBT. Antara pengisian program suai mesra MPP bersama PeBT ini adalah tentang pengisian program dan aktiviti 'Teamwork' yang membolehkan hubungan silaturrahim diwujudkan.



## **Taklimat Kempen 3R Tahun 2020 Dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Saya Peringkat Daerah Kuala Langkat**

Pada 4 Februari 2020, Taklimat Kempen 3R Tahun 2020 dan Penyampaian Hadiah Pertandingan Kebun Saya Peringkat Daerah Kuala Langkat telah dijalankan di Dewan Kompleks Sukan, MDKL. Taklimat ini telah disampaikan oleh Tuan Haji Arpaaii bin Haji Sanat, Pengarah Jabatan Perancangan Pembangunan, Ahli Majlis MPKL dan beberapa orang dari 'Non-Government Organisation' (NGO). Tujuan taklimat ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kepentingan menjaga dan memelihara alam sekitar



## **Bengkel Pengkomposan Sisa Kebun Dan Sisa Bahan Dapur Bersama Komuniti Kuala Langkat**

Pada 9 Februari 2020, Bengkel Pengkomposan Sisa Kebun dan Sisa Dapur Bersama Komuniti Kuala Langkat 2020 telah dijalankan di D'Laman Kebun Saya Taman Changgang Jaya. Taklimat ini telah disampaikan oleh Jawatankuasa penduduk, Ahli Majlis MPKL dan beberapa orang dari 'Non-Government Organisation' (NGO). Tujuan bengkel ini diadakan adalah untuk berkongsi cara penyediaan pengkomposan sisa kebun dan sisa bahan dapur.



## Bengkel Kesedaran Awam Lindungi Ekosistem Kuala Langat



Bengkel Kesedaran Awam Lindungi Ekosistem Kuala Langat telah dijalankan pada 23 Februari 2020 di Taman Rekreasi Paya Bakau, Sijangkang. Bengkel ini disertai oleh pelbagai Institusi Pengajian Tinggi Awam dan sekolah seperti Universiti Malaya (UM), Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan Sekolah Kebangsaan Bandar Banting. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah seperti pengenalan biodiversiti hutan paya bakau, aktiviti selamatkan ekosistem hutan paya bakau, berjalan kaki malam, pembalakan, penanaman semula pokok paya bakau dan inovasi kreatif 3R.

## Kunjungan Hormat Panglima Bridget 11

Pada 17 Februari 2020, Majlis Daerah Kuala Langat telah menerima kunjungan hormat Panglima Bridget 11 di ruang pejabat Yang Dipertua, MDKL. Kunjungan ini bertujuan untuk mengeratkan hubungan dan bertukar-tukar pendapat diantara pengurusan MDKL dan Rejimen Askar Wataniah



## *Perasmian Program Penanaman Semula Kebun Komuniti Bersempena Pemuliharaan Lebah*

Pada 22 Februari 2020, Perasmian Program Penanaman Semula Kebun Komuniti Bersempena Pemuliharaan Lebah telah diadakan di Taman Awam, Pearl Villa 4, Bandar Saujana Putra. Program ini telah dirasmikan oleh Y.A.D Tengku Dato' Mohamed Alhaj bin Tengku Harun, Orang Besar Daerah Kuala Langat dan Timbalan Yang Dipertua, Tuan Mohd Yasin bin Alwi. Antara aktiviti yang dijalankan ialah taklimat tentang kepentingan pemuliharaan lebah dan aktiviti menanam sayuran seperti Pokok Ulam Raja Kuning dan pelbagai lagi



## *Pertandingan Bola Jaring Antara Jabatan MPKL*

Pada 3 Mac 2020, Pertandingan Bola Jaring Antara Jabatan MPKL telah dijalankan di Dewan Kompleks Sukan MPKL. Pertandingan ini melibatkan semua jabatan MPKL yang dibahagikan kepada 5 Kumpulan daripada gabungan jabatan-jabatan. Johan dalam pertandingan ini ialah daripada Jabatan Kejuruteraan dan Unit OSC, diikuti dengan naib juara ialah daripada Jabatan Perancangan Pembangunan dan Jabatan Penguatkuasaan, dan di tempat ketiga pula ialah daripada Jabatan Kawalan Bangunan, Unit Korporat dan Perhubungan Awam dan Cawangan Bandar Saujana Putra. Hadiah kepada pemenang telah disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Fauzi bin Din, Setiausaha Kelab Sukan dan Kebajikan, Majlis Perbandaran Kuala Langat



## *Lawatan Kerja Majlis Daerah Hulu Selangor Ke Pasar Baru Banting*

Lawatan kerja Majlis Daerah Hulu Selangor ke Pasar Baru Banting telah diadakan pada 2 Mac 2020. Lawatan ini bertujuan berkongsi maklumat berkaitan pengurusan dan penyeliaan Pasar Baru Banting.



## *Sambutan Hari Wanita Sedunia 2020*

Pada 6 Mac 2020, Sambutan Hari Wanita Sedunia 2020 telah diadakan di Ruang Legar MPKL yang dianjurkan oleh Pusat Khidmat DUN Banting, Ahli Majlis Zon 15 dan Pusat Wanita Berdaya DUN Banting. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua MPKL dan Y.B. Tuan Lau Weng San, ADUN Banting. Antara aktiviti yang telah dijalankan ialah taklimat, pemeriksaan kesihatan dan pengagihan bunga ros kepada semua kakitangan wanita MPKL





## Majlis Penyerahan Buah Limau Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2020

Majlis Penyerahan Buah Limau Sempena Sambutan Perayaan Tahun Baru Cina 2020 telah diadakan pada 21 Januari 2020 di Ruang Foyer Majlis Daerah Kuala Langat. Majlis ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohamad Zain bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat. Majlis ini dapat dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ahli-Ahli Majlis MPKL. Di akhir majlis ini, penyerahan buah limau oleh Yang Dipertua MPKL kepada semua Ahli Majlis MPKL, Pengarah dan Ketua Jabatan, Ketua Unit dan wakil setiap jabatan MPKL. Selamat Tahun Baru Cina 2020.



## Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya Peringkat Daerah Kuala Langat

Pada 21 Januari 2020, Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya Peringkat Daerah Kuala Langat telah diadakan di Hadapan Balai Polis Sungai Jarom, Jenjarom. Program ini bertujuan untuk memupuk dan memberi kesedaran kepada pengguna jalan raya tentang keselamatan jalan raya. Program ini telah disempurnakan oleh Tuan Mohd Jusni bin Hashim, Pegawai Daerah Kuala Langat. Manakala bagi pihak Majlis Perbandaran Kuala Langat diwakili oleh Encik Mohd Shauki bin Jamaludin, Penolong Pegawai Penilaian dan Encik Zulhelmi bin Sanawi Penolong Pegawai Penguatkuasa.



*Lawatan Tapak Yang Dipertua, Majlis Perbandaran  
Kuala Langat Ke Medan Selera Baharu Di Batu  
Laut Dan Tanjung Sepat*

Pada 28 Januari 2020, satu Lawatan tapak yang diketuai oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Kuala Langat, Tuan Mohamad Zain bin A Hamid ke medan selera baharu di Batu Laut dan Tanjung Sepat telah dilaksanakan. Lawatan ini juga telah dihadiri oleh Tuan Mohd Yasin bin Alwi, Timbalan Yang Dipertua Majlis Daerah Kuala Langat, Pengarah-pengarah Jabatan dan Ketua-ketua Unit. Lawatan ini bertujuan untuk meninjau keadaan pembinaan semula medan selera yang baharu di dua tempat ini



Pada 22 Februari 2020, sesi pengembaraan rancangan televisyen RTM Jalan-Jalan telah diadakan di lokasi-lokasi pelancongan daerah Kuala Langat. Dengan kehadiran Tajul sebagai artis jemputan, Antara tempat-tempat menarik yang dikunjungi ialah Istana Bandar, Makam Sultan Abdul Samad, Dataran Banting, Taman Rekreasi Paya Bakau Sijangkang dan beberapa restoran yang menarik



## *Lawatan Tapak Y.B Tuan Hee Loy Sian, Adun Banting Ke Kawasan Kebakaran Hutan Simpan Kekal Kuala Langat Selatan*

Pada 5 Mac 2020, satu lawatan telah dijalankan untuk Y.B. Hee Loy Sian meninjau kawasan kebakaran Hutan Simpan Kekal Kuala Langat yang telah terbakar baru-baru ini. Turut hadir dalam lawatan ini ialah Tuan Mohd Jusni bin Hashim, Pegawai Daerah Kuala Langat, Tuan Haji Mohd Ridzuwan bin Endot, Pengarah Perhutanan Selangor, Tuan Haji Miskon bin Karim, Penolong Setiausaha MPKL dan Norazam bin Khami, Ketua Balai Bomba Cawangan Banting.



## *Taklimat Sewaan Premis Perniagaan MPKL Bersama Peniaga*

Pada 10 Mac 2020, Taklimat Sewaan Premis Perniagaan MPKL Bersama Peniaga telah diadakan di Dewan Kompleks Sukan MPKL. Taklimat ini disampaikan oleh Encik Hishamuddin bin Ismail, Pengarah Jabatan Pelesenan MPKL, Puan Lisawati binti Abdul Karim, Pengarah Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta MPKL, Encik Nurhassan bin Aziz, Penolong Pegawai Pelesenan MPKL dan Encik Shahrulnizam bin Khalil, Penolong Pegawai Penerangan MPKL. Taklimat ini bertujuan untuk memberi maklumat sewaan premis perniagaan kepada peniaga-peniaga



# Program Pengindahan Bandar Anjuran Majlis Perbandaran Kuala Langat

Pada 22 Februari 2020, Program Pengindahan Bandar Anjuran Majlis Daerah Kuala Langat telah dijalankan di Sekitar Pekan Banting. Program ini telah disertai oleh kakitangan MPKL sendiri. Program ini diadakan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat khususnya penduduk sekitar Kuala Langat bagi memupuk kesedaran menjaga kebersihan dan disamping itu juga dapat mengeratkan silaturrahim antara kakitangan MPKL




## Operasi Pemeriksaan Dan Notis Perintah Tutup Premis Perniagaan

Pada 7 Januari 2020, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran, Majlis Perbandaran Kuala Langat telah menjalankan operasi pemeriksaan premis makanan yang kotor di kawasan sekitar Telok Panglima Garang. Terdapat tiga premis makanan yang terlalu kotor dan diarahkan tutup oleh MDKL. Peniaga-peniaga ini dikenakan tindakan undang-undang di bawah Seksyen 62(A) dan 62(B), Undang-undang Kecil Pelesenan, *Establisymen Makanan* (MDKL) 2007.



## Kes Mahkamah Kilang Simen Haram

Pada 9 Januari 2020, Mahkamah Majistret Telok Datok telah mengenakan denda kepada pemilik kilang simen haram. Kesalahan ini telah diletakkan di bawah Seksyen 70(13)(c), Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974. Denda yang dikenakan oleh pihak mahkamah kepada pemilik kilang haram tersebut ialah berjumlah RM 7,000 atau 6 bulan penjara.



Pada 19 Februari 2020, Ops Kendaraan Berat telah dijalankan di sekitar Kuala Langat. Antara kesalahan yang didapati dalam operasi ini adalah kesalahan meletakkan kenderaan di tempat yang membahayakan dan menghalang lalu lintas. Jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan dibawah akta 133, akta Jalan Parit dan Bangunan 1974



*Ops Penjaja*

Pada 2 Januari 2020, Ops Penjaja telah dijalankan di Jalan SP 8, Bandar Saujana Putra. Antara kesalahan yang didapati dalam operasi ini adalah kesalahan penjaja tanpa lesen dan meninggalkan barang-barang perniagaan di tempat yang tidak sepatutnya berniaga. Jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan dibawah UUK 3, UUK Penjaja Berniaga Tanpa Lesen.



Pada 12 Januari 2020, telah dijalankan operasi Iklan Haram di sekitar Bandar Saujana Putra. Antara tindakan yang dilaksanakan oleh penguatkuasa ialah menyita 'banner', iklan along, 'bunting' dan lain-lain lagi. Jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan dibawah UUK 7 kesalahan atau kebenaran MDKL dan didenda sejumlah RM 2,000 atau penjara



### *Operasi Ops Sampah*

Pada 1 Januari hingga 30 Januari 2020, OPS Sampah telah dijalankan di Batu 7, Sijangkang, Jalan Pusara, Telok Mengkuang, Sijangkang Utama dan Bandar Saujana Putra. Jika didapati bersalah, boleh dikenakan tindakan dibawah UUK 4 UUK kecil pemungutan, pelupusan sampah dan didenda sejumlah RM 2,000 atau penjara





Bermula 16 Mac 2020, pihak MPKL akan membuat Saringan COVID-19 di pintu masuk utama MPKL yang akan dikendalikan oleh Pegawai dari Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Kesihatan Persekitaran. Tindakan ini adalah bagi mencegah penularan wabak COVID-19 dari terus merebak. Sehubungan dengan itu, semua pegawai, kakitangan dan orang awam yang didapati mempunyai suhu badan melebihi 37.5 darjah celsius tidak dibenarkan masuk dan perlu mendapatkan rawatan lanjut di Hospital Banting.



## *Pemeriksaan Ke Atas Beberapa Premis Perniagaan Sekitar Daerah Kuala Langat*

Pada 24 Mac 2020, pemeriksaan ke atas beberapa premis perniagaan sekitar daerah Kuala Langat telah dilaksanakan oleh Tuan Mohamad Zain Bin A Hamid, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kuala Langat bersama Tuan Mohd Jusni Bin Hashim, Pegawai Daerah Kuala Langat bagi memastikan peniaga dan pembeli mematuhi arahan berkaitan perintah kawalan pergerakan, pencegahan dan keselamatan diri berhubung wabak COVID-19. Antara tempat-tempat yang dilawati ialah disekitar Jenjarom, Banting dan Olak Lempit.



# PROGRAM/AKTIVITI MPP



PROGRAM SEMARAK  
TAHUN BAHARU 2020  
MALAYSIA - INDONESIA  
1 JANUARI 2020 - **MPP ZON 5**



PERTANDINGAN  
MEMANCING TERTUTUP  
SG RAMBAI MPP ZON 5  
5 FEBRUARI 2020 - **MPP ZON 5**



ZIARAH KASIH  
MPP ZON 3  
3 MAC 2020 - **MPP ZON 5**



ZIARAH KASIH  
PASCA COVID-19  
23 MAC 2020 - **MPP ZON 5**



KEJOHANAN  
BADMINTON TERBUKA  
**MPP ZON 7**



PROGRAM PEMULIHARAAN  
LEBAH & PENANAMAN  
SEMULA POKOK  
**MPP ZON 7**



BANDAR TEMASYA WALK  
BERSAMA HOS KOMUNITI  
KUALA LANGAT  
8 JANUARI 2020 - **MPP ZON 11**



KEMPEN ZERO PLASTIK  
DI TADOM HILL MPP ZON  
11 & 21  
17 JANUARI 2020 - **MPP ZON 11**



RUMAH TERBUKA  
TAHUN BARU CINA 2019  
ANJURAN BERSAMA MPP ZON  
1, 6, 10, 11, 14, 17 & 21  
25 JANUARI 2020 - **MPP ZON 11**

# PROGRAM/AKTIVITI MPP



HARI KELUARGA TAMAN  
CHANGGANG JAYA FASA 3  
29 FEBRUARI 2020 - **MPP ZON 12**



SUMBANGAN COVID-19  
ASNAF TAMAN MURNI  
10 APRIL 2020 - **MPP ZON 12**



SUMBANGAN COVID-19  
TAMAN LANGAT MURNI  
19 APRIL 2020 - **MPP ZON 12**



SUMBANGAN COVID-19  
ASNAF TAMAN CHANGGANG  
JAYA FASA 1  
23 APRIL 2020 - **MPP ZON 12**



PROGRAM  
COVID-19  
10 APRIL 2020 - **MPP ZON 16**



PERTANDINGAN MEMANCING  
SUNGAI LANGAT 2.0  
ANJURAN MPP ZON 11 & 21,  
KRT BSE  
1 MAC 2020 - **MPP ZON 11**



PROGRAM PENGAGIHAN  
BUAH LIMAU  
21 JANUARI 2020 - **MPP ZON 24**



SAMBUTAN CHINESE NEW  
YEAR OPEN HOUSE  
1 FEBRUARI 2020 - **MPP ZON 24**



SUMBANGAN  
PERUNTUKAN KHAS MCO  
14 APRIL 2020 - **MPP ZON 24**

# AKTIVITI SKUAD PANTAS MDKL



Pokok Tumbang  
Bandar Seri Ehsan  
4 Januari 2020



Pokok Tumbang  
Taman Dato Hormat  
6 Januari 2020



Dahan Sekah  
Taman Budiman  
8 Januari 2020



Kebakaran Hutan Simpan  
kekal Kuala Langat Selatan  
28- 29 Februari 2020



Pokok Tumbang  
Jalan Pasar Tg. Sepat  
9 Mac 2020



Pokok Sekah &  
Halang Laluan  
Jalan Utama Pasar Banting  
9 Mac 2020

Penerbitan buletin ini dikhususkan kepada pembaca Sektor Kerajaan, Badan Bukan Kerajaan, Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di seluruh negara dan edaran secara percuma.

Segala tulisan, ilustrasi dan foto dalam buletin ini adalah hak milik penerbit dan tidak dibenarkan disiarkan tanpa kebenaran bertulis daripada pihak penerbit.

Diterbitkan oleh:

Unit Korporat dan Perhubungan Awam  
Majlis Perbandaran Kuala Langat  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 03 3187 2825 / 2732 / 8957 / 1743 Faks : 03 3187 9304  
E-mel : admin@mdkl.gov.my , aduan@mdkl.gov.my  
Laman Sesawang : www.mdkl.gov.my